GLOSARI

Rumah Berkediaman

Rumah Berkediaman merujuk kepada pelbagai jenis rumah yang didiami oleh warga emas. Jenis-jenis rumah berkediaman boleh terdiri daripada rumah kecil (termasuklah, sewaan bilik) sehinggalah ke rumah konkrit yang besar, rumah jenis ini sangat bergantung kepada tahap keperluan penjagaan dan status kewangan penghuninya (Srithamrongsawat, Bundhamcharoen, Sasat, Odton, & Ratkjaroenkhajorn, 2008).

Rumah Rawatan

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2004), Rumah Rawatan dikenali sebagai kediaman yang menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit luar dan rehabilitasi kepada individu yang memerlukan penjagaan rawatan. Selain itu, Rumah Rawatan juga merujuk kepada fasiliti penjagaan berkemahiran (*skilled care facilities*), fasiliti rawatan, rumah rehat, fasiliti rehab, rumah penjagaan warga emas, rumah dewasa, dan rumah untuk warga emas. Kebiasaannya, fasiliti ini menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan yang boleh dikategorikan sebagai penjagaan tahap tinggi. Rumah Berkediaman (*Residential Homes)* pula menawarkan tahap penjagaan rendah (Ribbe et al., 1997). Perkhidmatan ini merupakan tempat untuk orang mendapatkan penjagaan rawatan (*nursing care*) dan signifikan kepada aktiviti harian (*activities of daily living*). Umumnya, penghuninya terdiri daripada warga emas dan orang muda yang mempunyai ketidakupayaan fizikal dan memerlukan terapi fizikal,

pekerjaan, dan rehabilitasi lain berikutan kemalangan atau penyakit yang dihidapi (Srithamrongsawat et al., 2008).

Penjagaan di Rumah

Penjagaan di Rumah merupakan perkhidmatan kesihatan dan sokongan sosial yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan ke rumah klien (*Knight S. & Tjassing H. (1994)*. Penjagaan di rumah bertujuan untuk membolehkan seseorang itu kekal berada di rumah mereka sendiri berbanding dengan menempatkan warga emas di institusi penjagaan lain. Perkhidmatan ini boleh terdiri daripada segala jenis penjagaan sama ada berkemahiran atau tiada kemahiran. Umumnya, perkhidmatan ini dibahagi kepada dua, iaitu penjagaan kesihatan (*home health service*) dan penjagaan bukan kesihatan (*home care*). Penjagaan kesihatan boleh terdiri daripada mereka yang berlesen dan profesional dalam bidang kesihatan, seperti doktor, jururawat, jurupulih anggota, dan sebagainya, manakala perkhidmatan bukan kesihatan pula boleh terdiri daripada sesiapa sahaja yang membantu warga emas melakukan kerja-kerja harian, termasuklah menyediakan makanan, membasuh baju, membeli belah dan menjadi teman berbual. Selalunya, penjagaan di rumah melibatkan integrasi kesihatan dan bukan kesihatan. Perkhidmatan ini menjadi semakin penting dalam kalangan warga emas yang baru keluar hospital dan yang memerlukan penjagaan berterusan.

Pusat Jagaan Harian

Tester (1989) mendefinisikan Pusat Jagaan Harian sebagai perkidmatan yang menawarkan penjagaan secara bersama, sama ada dengan bayaran atau kehadiran penjaga sukarela, di satu

tempat, iaitu di luar rumah pengguna. Sekurang-kurangnya Individu tersebut menggunakan perkhidmatan selama empat jam sehari dan pulang ke rumah pada hari yang sama (Samuelsson, Malmberg, & Hansson, 1998). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO, 2004) pula mendefinisikan Pusat Jagaan Harian sebagai satu fasiliti beroperasi di bawah pihak berkuasa tempatan, organisasi sukarela, pusat geriatrik atau hospital akut yang menyediakan aktiviti untuk warga emas. Aktiviti-aktiviti tersebut selalunya ditentukan dalam beberapa jam sehari, bertujuan untuk mempromosikan hidup berdikari dan meningkatkan kemahiran serba boleh, termasuk penjagaan peribadi dan proses penyediaan makanan. Umumnya, Pusat Jagaan Harian terbahagi kepada dua, iaitu pusat jagaan harian sosial dewasa (*A social adult day care center*) yang memfokuskan aktiviti sosial dan jagaan kesihatan harian dewasa (*adult day health care*) yang menjurus kepada keperluan penjagaan akibat keuzuran dan penyakit. Walau bagaimanapun, terdapat juga pusat jagaan harian yang menyediakan aktiviti campuran, iaitu sosial dan kesihatan. Kewujudan kemudahan dan perkhidmatan ini juga membolehkan penjaga berpeluang untuk berehat sementara (tempoh singkat) daripada melakukan aktiviti penjagaan.

Penjagaan Respit

Penjagaan Respit ialah perkhidmatan alternatif kepada waris / penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaannya di institusi bagi suatu tempoh tertentu, disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara, atau apa-apa sebab yang memerlukan warga emas ditempatkan di institusi. Perkhidmatan penjagaan respit merangkumi penjagaan dan

pelindungan kepada warga emas di samping pengurusan dan penyediaan keperluan asas, seperti makanan, kesihatan, dan tempat tinggal di institusi (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2016).

Penjagaan Paliatif

Penjagaan ini bermaksud penjagaan holistik yang merangkumi rawatan melegakan masalah fizikal, sosial, dan psikologi pesakit. Pesakit yang dimaksudkan ialah pesakit yang menghidapi penyakit kronik yang serius dan tidak ada peluang untuk sembuh. Antaranya ialah penyakit buah pinggang dan lain-lain (Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia, 2009).

Nyahstereotaip

Nyahstereotaip di sini bermaksud menghilangkan stereotaip negatif terhadap warga emas. Ini termasuklah mengkategorikan warga emas sebagai orang pelupa, pasaran mensasarkan orang muda tanpa mengambil kira keperluan warga emas, merasa kurang selesa berada dalam kalangan orang tua. Perkataan “tua” juga memberikan gambaran seseorang menghadapi masalah tertentu, seperti sunyi, diabaikan, tidak upaya, kebergantungan atau miskin. “Tua” juga dikaitkan dengan penyakit, sedangkan terdapat ramai orang muda yang sakit dan penyakit berkenaan dibawa ke usia tua.